



جَابَاتِن مَفْتِي نَكْرِي قَمَح

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

APRIL 2026



TAZKIAH NAFSI (PROSES PEMBAIKAN DIRI)

24 APRIL 2026M | 6 ZULKAEDA 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Pada hari yang mulia ini, marilah kita menghayati firman Allah ﷻ dalam surah al-Syams ayat 8 hingga 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۗ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾

Yang bermaksud: “Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu jalan kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwanya, dan rugilah orang yang mengotorinya.”

Ayat ini menjelaskan bahawa kejayaan di sisi Allah ﷻ bukan diukur dengan harta atau kedudukan, tetapi dengan kebersihan jiwa dan kesucian hati yang dihiasi sifat-sifat mulia. Sebaliknya, kerugian sebenar menimpa mereka yang membiarkan jiwanya dikuasai sifat-sifat tercela. Oleh itu, setiap Muslim dituntut berusaha menyucikan jiwa melalui proses yang dikenali sebagai tazkiyah al-nafs. Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa tazkiyah al-nafs ialah usaha menyucikan jiwa daripada kekejian akhlak dan kekotoran batin. Melalui penyucian jiwa inilah seseorang memperoleh kekuatan dan ketahanan diri untuk melawan dorongan nafsu serta godaan batin, dengan memperbanyakkan ibadah dan amalan-amalan sunat yang mendekatkan diri kepada Allah ﷻ.



Sesungguhnya, betapa pentingnya tazkiyah al-nafs kerana baik atau buruknya seseorang itu berpunca daripada hatinya. Benarlah sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

“Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Untuk memiliki jiwa dan hati yang suci, kita hendaklah berusaha membersihkannya daripada sifat-sifat mazmumah seperti hasad dengki, sombong, bangga diri, riya' (menunjuk-nunjuk) dan sum'ah (keinginan untuk dipuji dan disanjung). Selagi hati dipenuhi sifat-sifat keji ini, ia tidak akan mampu dihiasi dengan sifat-sifat mulia, kerana kebaikan tidak mungkin bercampur dengan keburukan. Oleh itu, marilah kita menjauhi segala bentuk maksiat, mengurangkan perbuatan sia-sia, serta menghindari permusuhan, pembohongan, mengumpat, mengadu domba dan sifat benci-membenci, kerana semua perbuatan ini akan mengotorkan hati dan melemahkan iman. Sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi,

إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا أَذِنَبَ كَانَتْ نُكْتَةً سَوْدَاءُ فِي قَلْبِهِ ، فَإِنْ تَابَ وَنَزَعَ
وَاسْتَغْفَرَ صُقِلَ قَلْبُهُ ، وَإِنْ زَادَ زَادَتْ حَتَّى يَعْلُوَ قَلْبُهُ ،



Yang bermaksud: *“Sesungguhnya seorang Mukmin, apabila dia melakukan dosa, akan terbit titik hitam di hatinya. Sekiranya dia bertaubat, meninggalkan dosa tersebut dan beristighfar, maka akan hilanglah titik hitam tersebut. Namun sekiranya dia menambah dosa tersebut, akan bertambahlah titik hitam itu lalu hatinya (gelap) diselaputi dosa.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Apabila kita bersungguh-sungguh membersihkan hati daripada sifat-sifat keji, maka hati tersebut akan dihiasi dengan sifat-sifat yang mulia. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali menasihatkan agar kita melaksanakan wasilah islah jiwa, iaitu dengan menghadiri majlis ilmu pengajian fardu ain tasawwuf, menunaikan segala kewajipan fardu dan sunat rawatib, memperbanyakkan zikir dan istighfar, serta melakukan muhasabah diri secara berterusan. Insya-Allah, dengan istiqamah mengamalkannya, hati akan dipenuhi dengan sifat-sifat mahmudah seperti sabar, syukur, takut dan harap kepada Allah, qana‘ah (merasa cukup), zuhud, tawakal, mahabbah, reda, ikhlas, benar, muraqabah (merasa diawasi) dan muhasabah. Hati yang bersih dan suci akan melahirkan peribadi yang mulia, bukan sahaja menyelamatkan diri sendiri bahkan turut memberi kebaikan kepada orang lain. Sesungguhnya, memperbanyakkan amal soleh merupakan jalan utama untuk membersihkan diri daripada sifat mazmumah. Berkata Abu Darda’ yang bermaksud:



Setiap sesuatu itu ada penggilapnya dan penggilap hati itu adalah zikrullah.

Oleh itu, marilah kita memperbanyakkan doa kepada Allah ﷻ agar dikurniakan hati yang bersih dan jiwa yang suci. Amalkan doa yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ iaitu:

اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا، وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرٌ مِنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا

Yang bermaksud: *“Ya Allah, kurniakanlah ketakwaan kepada jiwaku dan sucikanlah ia. Engkaulah sebaik-baik yang mensucikannya. Engkaulah pelindung dan pemeliharanya.”*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Taala,

Kesimpulan daripada khutbah ini ialah,

Pertama, berusaha melakukan tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) dengan meninggalkan maksiat, menjauhi sifat mazmumah (sifat terkeji).

Kedua, menghiasi diri dengan sifat mahmudah iaitu sabar, syukur, takut dan harap kepada Allah Taala, qana‘ah (merasa cukup), zuhud, tawakal dan lain-lain.

Ketiga, perbanyakkan taubat, zikir, doa serta amal soleh. Semoga hati yang bersih akan membentuk jiwa menjadi tenang dan sejahtera.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ
عَنكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا
يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ
يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا وَآغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.